

## 7.7 Dato' Bahaman Pahlawan Pahang

- dianugerahi gelaran Orang Kaya Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan
- kegagahan & keberanian ditunjukkan dalam perang saudara di Pahang & Perang Klang di Selangor
- sejak awal beliau x mengiktiraf pemerintahan British di Pahang

sebab penentangan

### \* Hak mengutip cukai hilang

- British melantik EA Wise sebagai Pegawai Majistret & Pemungut Hasil di daerah Temerloh.
- Dato' Bahaman dilarang mengutip cukai di daerah kekuasaannya.

### \* Pembinaan balai polis

- Tindakan EA Wise membina balai polis di Lubuk Terua tanpa berunding.
- Dato' Bahaman menganggap tindakan British cuba mencerobohi kawasanya & mengancam kedudukannya.

### \* Pelucutan gelaran

- Hugh Clifford menganggap Dato' Bahaman sebagai penderhaka kerana enggan mematuhi arahannya.
- British memaksa Sultan Ahmad melucutkan gelaran Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan
- Ini memalukan Dato' Bahaman & beliau bersumpah untuk menghalau British keluar dari Pahang.

## Peristiwa Penentangan

- 16.12.1891: British menangkap 3 orang pengikut Dato' Bahaman yang mengutip hasil hutan tanpa kebenaran
- Dato' Bahaman & pengikutnya menyerang Balai Polik Lubuk Terua
- peristiwa ini mencetuskan perang
- 26.12.1891: Hugh Clifford mengetuai pasukan 200 anggota tentera menawan semula Lubuk Terua
  - Hugh Clifford tewas dalam pertempuran di Kelubi
  - Hugh Clifford kalah & meminta bantuan dari Singapura.
- 1.1892: British memaksa Sultan Wan Ahmad menamatkan kebangkitan rakyat Pahang
  - menubuhkan pasukan tentera yang dinamakan 'Gerakan Sultan'
  - 'Gerakan Sultan' berjaya menawan 11 buah kubu Dato' Bahaman di Bentong
- 3.1892: Dato' Bahaman menawan semula Lubuk Terua
  - mendapat sokongan Tok Gajah & anaknya Mat Kilau.
- 8.5.1892: British menyerang Lubuk Terua.
  - pejuang Pahang berundur ke Kelantan & Terengganu.
  - ulama Tok Ku Paloh di Terengganu menyemarakkan semangat pejuang Pahang berjihad menentang British.
- 14.6.1894: Dato' Bahaman & 100 orang pengikutnya menawan Kuala Tembeling & Jeram Ampai
  - British menghantar Kolonel Walker menawan semula Jeram Ampai
  - Dato' Bahaman, Tok Gajah & Mat Kilau berundur ke Kelantan.
  - menandakan berakhirnya perang menentang British di Pahang.

Kesan

- kebangkitan pembesar di Pahang selama 4 tahun menyebabkan British menanggung hutang yang banyak.
- Sultan Ahmad dipaksa membayar \$7200 setahun bagi menjelaskan hutang tersebut.

## 7.8 Mat Salleh Menyanggah SBUB

- ↳ dilahirkan di Inanam
- ↳ pernah menjadi pemerintah di Sg. Sugut
- ↳ berketurunan Bajau & Suluk
- ↳ mewarisi sifat kepahlawanan & keberanian berperang

### sebab penentangan

#### \* Perjuangan jihad

- ↳ semangat perjuangan jihad orang Sulu menentang Sepanyol di selatan Filipina mempengaruhi mat Salleh

#### \* Peraturan baru yang membebankan

- ↳ amalan buruh paksa, cukai beras & lesen perahu yang diperkenalkan oleh SBUB amat membebankan rakyat.

#### \* Kegagalan untuk berunding.

- ↳ 8. 1895 : Mat Salleh & beberapa orang pembesar tempatan pergi ke Sandakan untuk menemui Gabenor Beaufort C.V. Creagh.
- ↳ perundingan tentang masalah cukai & tindakan keras pegawai SBUB terhadap penduduk tempatan.
- ↳ Mat Salleh x dilayan
- ↳ setelah menunggu selama 10 hari, Mat Salleh meninggalkan Sandakan.

#### \* Perkampungan Mat Salleh dibakar

- ↳ Gabenor Beaufort menganggap Mat Salleh sebagai pengancam kepentingan SBUB.
- ↳ SBUB membakar & memusnahkan kampungnya.
- ↳ SBUB menawarkan hadiah \$500 kepada sesiapa yang berjaya menangkap Mat Salleh.

## Peristiwa Penentangan.

- ↳ 7. 1897 : Mat Salleh mendirikan kubu di Ranau & membakar Pulau Gaya
- ↳ 11. 1897 : Mat Salleh menyerang Ambong
- ↳ 4. 1898 : William Cowie, Pengarah urusan SBUB menawarkan perdamaian & pengampunan kepada Mat Salleh
- ↳ rundingan antara Mat Salleh & Cowie di Menggatal, kandungan perjanjian :
  - \* Mat Salleh & pengikutnya diberi pengampunan
  - \* penduduk Inanam yang melarikan diri semasa kekacauan dibenarkan kembali semula.
  - \* Mat Salleh dibenarkan mentadbir wilayah Tambunan
  - \* Mat Salleh diminta melaporkan pergerakannya kepada SBUB.
- ↳ 1899 : Perjanjian itu x dipatuhi oleh SBUB & mengambil alih semula Tambunan
- ↳ Mat Salleh rasa tertipu & meneruskan penentangan secara besar-besaran
- ↳ Mat Salleh membina kubu di Kampung Teboh, Tambunan
- ↳ SBUB menyerang kubu Mat Salleh secara besar-besaran
- ↳ 1. 1900 : SBUB berjaya menewaskan Mat Salleh & Mat Salleh terkorban
- ↳ perjuangan diteruskan oleh pengikutnya, Mat Sator.
- ↳ 7. 1902 : British berjaya menamatkan penentangan di Sabah.

## 7.9 Antanom Pahlawan Anak Rimba Berjiwa Besar

- ➔ nama sebenarnya Ontoros anak lelaki Antanom
- ➔ pemimpin kaum Murut di Rundum
- ➔ mengetuai kaum Murut menentang SBUB

### Sebab penentangan

- \* Larangan membuka tanah baru
  - ➔ SBUB melarang orang murut membuka tanah baru untuk pertanian
  - ➔ Ini menyebabkan mereka kekurangan beras
- \* Pelbagai jenis cukai yang membebankan
  - ➔ SBUB memperkenalkan cukai<sup>2</sup> yang menghimpit kehidupan orang murut.
  - ➔ cukai kepala \$1 setiap orang
  - ➔ cukai tanaman pindah 50 sen setiap ekar
  - ➔ cukai potok kelapa untuk minuman tuak 25 sen sebatang
  - ➔ cukai memelihara anjing \$1 seekor
  - ➔ cukai tangkapan ikan besar.
- \* Buruh paksa
  - ➔ SBUB memaksa orang murut membina jalan di kawasan pedalaman
  - ➔ mereka dijadikan buruh paksa untuk memasang kawat telegraf antara Tenom & Rundum.
- \* Keluarga orang murut dizalimi
  - ➔ SBUB memaksa suami isteri orang murut tinggal secara berasingan di sebelah menyalah tebing sungai
  - ➔ setiap kali bertunjung dikenakan bayaran \$1
  - ➔ sekiranya sebuah keluarga mempunyai 2 adik beradik, salah seorang akan dijadikan buruh paksa.
- \* Pencerobohan kawasan hutan
  - ➔ SBUB membina jalan di kawasan hutan
  - ➔ tindakan ini dibantah oleh orang murut
  - ➔ mereka mempercayai pencerobohan itu mengakibatkan roh nenek moyang mereka terganggu.

### Peristiwa penentangan

- ➔ 2. 1915 : Antanom menyerang Pensiangan & membakar bangunan kerajaan di situ.
- ➔ 3. 1915 : Antanom memimpin 600 orang murut untuk menyerang Rundum
  - ➔ memusnahkan pejabat pentadbiran SBUB di Rundum
  - ➔ kejayaan ini menaikkan semangat pengikut
  - ➔ Antanom & bilangan meningkat kepada 900 orang Antanom membina kubu pertahanan di Sg. Selangit
  - ➔ kubu ini mempunyai 7 buah rumah bawah tanah
- ➔ 4. 1915 : 400 orang tentera SBUB menyerang kubu Antanom
- ➔ pertempuran kedua-dua pihak berlangsung selama 6 minggu.
- ➔ akhirnya pasukan Antanom ditewaskan.

### Kesan

- ➔ Antanom & 400 orang pengikutnya terkorban dalam usaha mempertahankan Rundum
- ➔ kebangkitan ini dikenali sebagai "Kebangkitan Rundum"
- ➔ SBUB bertindak tegas terhadap pengikut Antanom
- ➔ 8 orang kanannya dibuang daerah ke Kudat.
- ➔ pengikutnya yang lain dijadikan buruh paksa untuk memasang kawat telegraf dari Kimanis hingga ke Keningau.
- ➔ orang murut dipaksa bersumpah taat setia kepada SBUB.
- ➔ orang murut berpindah ke pedalaman Kalimantan sebagai tanda protes kepada SBUB.

## 7.10 Tok Janggut Pejuang Jihad

- nama sebenarnya Haji Mat Hassan bin Munas
- dilahirkan di Kampung Jeram, Pasir Putih, Kelantan
- mendapat pendidikan pondok di Kelantan & kemudian melanjutkan pelajaran ke Makkah serta mahir dalam persilatan

### Sebab penentangan

#### \* Perasaan anti-British

- sentimen anti-British meningkat semasa British menyerang kerajaan Turki Uthmaniyah semasa Perang Dunia Pertama.
- Kerajaan Turki Uthmaniyah menyerut umat Islam seluruh dunia supaya berjihad menentang penjajah Barat.
- Tok Janggut menyahut seruan berjihad menentang British di Pasir Putih.

#### \* Peraturan tanah

- 1915: British memperkenalkan peraturan tanah
- mewajibkan para petani membayar cukai tanah.
- Tok Janggut menentang peraturan ini

#### \* Pengenalan cukai yang membebankan

- cukai yang diperkenalkan oleh British membebankan rakyat
- cukai pokok kelapa berbuah 3 sen sepokok
- cukai pokok pisang 1 sen sepokok
- cukai sirih 5 sen sejunjung
- cukai lembu 20 sen seekor

#### \* Pembayaran cukai menyusahkan

- pejabat bayaran cukai terletak jauh di bandar
- penduduk tempatan gagal membayar cukai akan ditangkap & didenda
- Tok Janggut telah beberapa kali gagal membayar cukai kerana kesukaran perjalanan ke bandar.

### Peristiwa penentangan

→ 28.4.1915:

- Sarjan Che Wan dihantar oleh Encik Abdul Latif (Pegawai Daerah Pasir Putih) pergi ke rumah Tok Janggut untuk memungut cukai
- Perbalahan berlaku di antara mereka menyebabkan Sarjan Che Wan mati ditikam oleh Tok Janggut.

→ 29.4.1915:

- Tok Janggut, Penghulu Adam, Engku Besar Jeram & Che Sahak merbol memimpin angkatan untuk menyerang Pasir Putih
- mereka menduduki Pasir Putih selama 3 hari & mengisytiharkan Pasir Putih bebas daripada cengkaman British.
- Engku Besar Jeram iaitu Tuan Ahmad dilantik sebagai Raja Pasir Putih
- Tok Janggut dilantik sebagai Perdana Menteri.

→ 9.5.1915:

- British menawarkan \$500 kepada sesiapa yang berjaya menangkap Tok Janggut & pemimpin kanannya.

→ 23.5.1915:

- Tok Janggut & pengikutnya enggan menyerah diri
- British membakar rumah<sup>2</sup> mereka
- Tok Janggut berasa amat marah lalu menyerang British.

→ 24.5.1915:

- Tok Janggut berkubu di Kampung Dalam Pupuh, Sarang
- British melancarkan serangan terhadap kubu Tok Janggut
- Tok Janggut terkorban
- British mengarak mayat Tok Janggut dari Kota Bharu ke Pasir Putih
- mayat digantung secara songsang & dipamerkan di Padang Balai Besar, Kota Bharu selama 4 jam
- mayat Tok Janggut kemudian dikebumikan di Pasir Pekan.
- walaupun perjuangan Tok Janggut gagal, namun semangat juang ini patut menjadi kebanggaan kita.

## 7.11 Haji Abdul Rahman Limbong Pejuang Tani

- ↳ nama asalnya Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid
- ↳ sering ke Limbong untuk mengajar agama menyebabkannya lebih dikenali sebagai Haji Abdul Rahman Limbong
- ↳ perjuangan beliau menentang British untuk membela nasib petani yang tertindas & lebih dikenali "Kebangkitan tani"

### Sebab Kebangkitan Tani

#### \* Pengaruh pemimpin agama

- ↳ pemimpin agama memainkan peranan penting dalam kebangkitan anti-British di Terengganu.
- ↳ Haji Abdul Rahman Limbong menegaskan tanah adalah hak Allah & rakyat bebas mengerjakannya tanpa perlu membayar cukai kepada kerajaan.
- ↳ Haji Musa Abdul Ghani pula menyifatkan peraturan tanah British bertentangan dengan syaria Islam.

#### \* Penguatkuasaan undang<sup>2</sup> berkaitan binatang buas.

- ↳ 1923 : British melarang penduduk memburu binatang liar mengikut Undang<sup>2</sup> Kawalan Binatang Buas.

#### \* Pas kebenaran yang membebaskan

- ↳ 1921 : British memperkenalkan peraturan tanah baru yang mengenakan 50 sen untuk mendapatkan kebenaran membuka tanah & bercucuk tanam
- ↳ peraturan ini membebaskan kehidupan petani yang sedia miskin
- ↳ peraturan yang sama juga dikenakan sekiranya penduduk tempatan mahu menebang pokok & memungut hasil hutan seperti daun nipah, daun palas, buah salak & sebagainya.

#### \* Peraturan tanah baru

- ↳ 1924 : British menguatkuasakan peraturan tanah baru.
- ↳ penduduk diwajibkan mendaftar tanah mereka dengan bayaran \$2.50 setiap orang

## Peristiwa Penentangan

#### \* 1922

- ↳ petani di Kuala Telemong menentang peraturan baru
- ↳ mereka membersihkan tanah tanpa pas kebenaran
- ↳ British menangkap 43 orang petani & menghadapkannya ke mahkamah.
- ↳ Haji Abdul Rahman Limbong bertindak sebagai peguam kepada petani menegaskan tanah adalah hak Allah & bukan hak negeri
- ↳ hujahnya diterima oleh mahkamah & semua petani dibebaskan

#### \* 1925

- ↳ seramai 300-500 orang petani berkumpul di Kuala Telemong setelah mendengar British akan memberi konsesi tanah kepada saudagar Cina.
- ↳ petani<sup>2</sup> ini membersihkan 200 ekar tanah milik Tengku Nik Maimunah & 400 ekar tanah kerajaan.
- ↳ British mendesak Sultan Sulaiman bertindak terhadap Haji Abdul Rahman Limbong.
- ↳ Haji Abdul Rahman Limbong menjelaskan kepada Sultan bahawa pentadbiran British di Kuala Berang telah menindas rakyat.

#### \* 1928

- ↳ British mengancam akan mengambil tindakan undang<sup>2</sup> terhadap petani yang enggan membayar cukai
- ↳ 1000 orang petani berhimpun di Marang, Kuala Telemong & Kuala Berang
- ↳ mereka mengisytiharkan perang terhadap British
- ↳ mereka menduduki bangunan kerajaan & balai polis di Kuala Berang serta mengibarkan bendera merah
- ↳ British terpaksa mendapatkan bantuan tentera dari NIMB.
- ↳ Haji Abdul Rahman & semua pemimpin petani ditangkap.
- ↳ 12 orang petani terkorban dalam pertempuran yang berlaku di Padang Kacong.
- ↳ Mereka dibicarakan di Kuala Terengganu
- ↳ Haji Abdul Rahman dijatuhi hukuman buang negeri ke Makkah atas tuduhan menghasut rakyat & mencetuskan penentangan ke atas British.